


1. Soalan berikut berkaitan dengan ciri negara bangsa



Apakah **X**?

- A Kerajaan
 - B Kedaulatan
 - C Lambang Kebesaran
 - D Wilayah Pengaruh
2. Antara berikut, yang manakah merupakan golongan pemerintah dalam Kesultanan Melayu Melaka?
- I Ulama
 - II Pembesar
 - III Pedagang
 - IV Cendekiawan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

3. Apakah kesan Revolusi 1776 terhadap Amerika Syarikat?
- A Ideologi sekularisme berkembang luas
 - B Keruntuhan sistem pemerintahan beraja
 - C Kemosotan kuasa golongan bangsawan
 - D Pengenalan sistem pemerintahan demokrasi
4. Mengapakah Gerakan Nasionalisme di Thailand berbeza dengan negara lain?
- I Mempertahankan kedaulatan negara
 - II Menjalin hubungan erat dengan negara luar
 - III Menentang penguasaan politik oleh kerabat diraja
 - IV Menuntut penglibatan rakyat dalam pemerintahan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
5. Mengapakah kerajaan Jerman menghantar pakarnya ke Jepun pada abad ke-20an?
- I Membangunkan sistem pakatan ketenteraan
 - II Mengkaji serangan terhadap wilayah selatan
 - III Membantu industri pembuatan kapal terbang
 - IV Memperkenalkan teknologi industri Barat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

6. Pentadbiran tentera Jepun memperkenalkan kempen berikut di Tanah Melayu

“Tambah Lebih Banyak Makanan”

Apakah kesan kempen tersebut terhadap penduduk tempatan?

- A Kadar kematian meningkat
 - B Kekurangan sumber makanan
 - C Kelangsungan hidup terjejas
 - D Kreatif dalam kehidupan
7. Penubuhan Malayan Union mendapat pelbagai reaksi daripada pemimpin dan rakyat di Tanah Melayu.
Apakah reaksi daripada Raja-raja Melayu terhadap pelaksanaan tersebut?
- A Bersedia dengan perubahan
 - B Berunding dengan pegawai British
 - C British Meminta bantuan tentera luar
 - D Menghantar surat bantahan ke London
8. Apakah reaksi rakyat Sarawak apabila British mengeluarkan Pekeliling No. 9/1946 (Circular No.9) pada bulan Disember 1946?
- I Rukun 13 ditubuhkan secara sulit di Sibu
 - II 409 orang kakitangan kerajaan meletakkan jawatan
 - III 56 pelajar Maktab Perguruan Melayu Sarawak menamatkan pengajian
 - IV 16 buah persatuan Melayu menyertai perarakan di Kuching
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

9. Antara berikut, siapakah wakil Raja-raja Melayu yang dilantik menganggotai Jawatankuasa Kerja Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- I Dato' Onn Jaafar
 - II Dato' Hamzah Abdullah
 - III Dato' Nik Ahmad Kamil Mahmud
 - IV Dato' Abdul Rahman Mohd Yassin
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
10. Apakah kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 terhadap orang Melayu?
- A Status quo mereka terancam
 - B Pelbagai kumpulan etnik
 - C Dilantik sebagai rakyat peribumi
 - D Diiktiraf sebagai penduduk asal
11. Antara berikut, karya manakah yang mengandungi ideologi komunisme?
- A Republik
 - B Das Kapital
 - C The Prince
 - D No Dram of Mercy


12. Gambar berikut menunjukkan tindakan komunis.



Kereta api yang disabotaj oleh Komunis

Mengapakah komunis bertindak sedemikian?


- A Melumpuhkan sistem politik di Tanah Melayu
 - B Melumpuhkan ekonomi British di Tanah Melayu
 - C Melumpuhkan pergerakan British di Tanah Melayu
 - D Melumpuhkan sistem perhubungan di Tanah Melayu
13. Apakah teras pembentukan sistem pendidikan kebangsaan dalam Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956?



Penyata Pelajaran Razak

- I Kandungan kurikulum yang seragam dan bercorak kebangsaan
 - II Hanya bahasa kebangsaan digunakan sebagai bahasa pengantar
 - III Keutamaan penggunaan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan
 - IV Sistem persekolahan yang sama bagi kanak-kanak daripada semua bangsa
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

14. Antara berikut, Parti politik manakah yang menggunakan logo berikut?



Logo kapal layar

- A Parti Negara
 - B Parti Perikatan
 - C Kemerdekaan Malaya
 - D Parti Islam Se-Tanah Melayu
15. Senarai berikut merupakan peringkat pilihan raya sebelum Merdeka

- Pilihan raya peringkat perbandaran
- Pilihan raya peringkat negeri
- Pilihan raya Majlis Perbandaran Persekutuan

Apakah tujuan pilihan raya tersebut diadakan?

- A Perpaduan kaum dibentuk
- B Penggubalan undang-undang
- C Proses memilih wakil rakyat
- D Penyatuan negara dikukuhkan

16. Apakah persamaan syarat menjadi calon dan pengundi dalam pilihan raya umum pertama?

- I Umur
- II Pekerjaan
- III Tempat tinggal
- IV Kewarganegaraan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

17. Pernyataan di bawah merujuk kepada Rombongan Rundingan Kemerdekaan.

Tunku Abdul Rahman mencadangkan untuk menaiki kapal laut ke Kerachi sebelum terbang ke London dari Kerachi.

Mengapakah Tunku berbuat demikian?

- A Menjimatkan kos dan masa perjalanan
- B London terlalu jauh dari Tanah Melayu
- C Perkhidmatan kapal terbang ke London tergendala
- D Mengadakan perbincangan dengan wakil Raja-raja Melayu

18. Antara berikut, yang manakah berkaitan inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?

- I Pegawai British menasihati raja dalam pentadbiran
- II Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan
- III Agama Islam sebagai agama Persekutuan
- IV Sultan menjadi ahli Majlis Perundangan Persekutuan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

19. Jawatankuasa berikut ditubuhkan sebagai persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan Tanah Melayu.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Jawatankuasa Persediaan Fizikal• Jawatankuasa Sambutan |
|---|

Mengapakah persediaan sambutan kemerdekaan tersebut penting?

- A Menonjolkan identiti negara
- B Mematuhi prinsip kenegaraan
- C Mempertahankan warisan bangsa
- D Mendukung perlembagaan negara

20. Kemerdekaan negara tercapai kerana sumbangan tokoh-tokoh nasionalis negara. Bagaimanakah generasi hari ini menghargai jasa mereka?

- A Menuntut pelbagai kemahiran
- B Mematuhi perundangan negara
- C Membangunkan ekonomi negara
- D Menyanjung pengorbanan mereka

- 21 Antara berikut, yang manakah takrif kedaulatan.
- I Kekuasaan tertinggi
 - II Kewibawaan sesebuah negara
 - III Penjajahan terhadap negara lain
 - IV Kecintaan terhadap negara bangsa
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 22 Mengapakah Rukun Negara diperkenalkan di negara kita ?
- A Memupuk perasaan muhibah
 - B Memajukan ekonomi negara
 - C Mewujudkan negara merdeka
 - D Mengukuhkan kesetiaan pendatang
- 23 Apakah sistem pemerintahan yang diamalkan di negara kita sebelum kedatangan kuasa Barat ?
- A Sistem republik
 - B Sistem demokrasi
 - C Pemerintah beraja
 - D Pentadbiran berpusat

- 24 Apakah ciri moden dalam Perlembagaan Persekutuan ?
- I Kesultanan
 - II Bahasa Melayu
 - III Kewarganegaraan
 - IV Sistem Demokrasi Berparlimen
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 25 Apakah status Raja-raja Melayu di negeri baginda semasa pendudukan Jepun ?
- A Ketua kerajaan
 - B Sumber undang-undang
 - C Pemerintahan tertinggi tentera
 - D Ketua hal ehwal agama Islam
- 26 Mengapakah kebebasan asasi yang diperuntukkan oleh perlembagaan tidak bersifat mutlak ?
- A Melicinkan pentadbiran
 - B Memastikan ketenteraman umum
 - C Menjamin keadilan rakyat
 - D Memupuk semangat setia rakyat

27 Bagaimanakah British menyatukan pentadbiran negeri-negeri berikut pada tahun 1946.

- Melaka
- Pulau Pinang
- Semua negeri Melayu

- A Penubuhan Kesatuan Malaya
- B Pembinaan konsep negara bangsa
- C Penetapan sempadan antara negeri
- D Pembentukan Persekutuan Malaysia

28 Antara berikut, apakah yang termasuk dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri ?

- I Tanah
- II Pelajaran
- III Pertahanan
- IV Undang-undang Islam
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

29 Bagaimanakah Tunku Abdul Rahman berusaha mengatasi masalah berikut ?

Penyatuan Singapura dengan Tanah Melayu mewujudkan komposisi penduduk tidak seimbang antara orang Melayu dengan orang Cina

- A Menghadkan kemasukan imigran dari China
- B Menggalakkan penghijrahan penduduk Brunei
- C Memberi kewarganegaraan kepada rakyat Indonesia
- D Menggabungkan Sarawak Sabah dan Brunei ke dalam Persekutuan

30 Perkara berikut adalah laporan Suruhanjaya Cobold kecuali ?

- A Kuasa autonomi diberi kepada Sarawak dan Sabah
- B Dua pertiga penduduk menyokong pembentukan Malaysia
- C Islam agama Persekutuan tetapi dikecualikan kepada Sarawak dan Sabah
- D Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menjadi asas Perlembagaan Persekutuan baharu

31 Maklumat berikut menunjukkan usaha kerajaan dalam menangani ancaman komunis di Sarawak.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • X • Operasi ketenteraan |
|--|

Apakah tindakan X ?

- A Melancarkan perang saraf
- B Menggunakan taktik gerila
- C Menerima bantuan negara luar
- D Mencadangkan gencatan senjata

32 Maklumat berikut merupakan fokus utama yang perlu diselesaikan oleh MAGERAN.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Ketidakseimbangan ekonomi antara kaum • X |
|--|

Apakah X ?

- A Perpaduan
- B Pendidikan
- C Kerakyatan
- D Kemiskinan

33 Apakah langkah yang diambil kerajaan untuk memastikan bahasa Melayu dimartabatkan sebagai bahasa Kebangsaan di negara kita ?

- I Pembentukan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum
- II Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia
- III Penggunaannya dalam sistem pendidikan
- IV Diperluaskan dalam semua urusan ekonomi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

34 Manakah antara berikut merupakan ideologi yang diusahakan kerajaan untuk memperkukuh perpaduan rakyat ?

- A Bunga Raya
- B Rukun Negara
- C Jalur Gemilang
- D Stadium Merdeka

35 Apakah tujuan dasar berikut dilaksanakan ?

Dasar Ekonomi Baru

- A Menetapkan bidang kuasa kerajaan
- B Meningkatkan keupayaan pertahanan
- C Memantapkan kerjasama negara serantau
- D Memulihkan ketidakseimbangan sosioekonomi

- 36 Kerajaan turut mewujudkan amanah saham yang membenarkan golongan bukan Melayu memiliki sahamnya melalui
- A Amanah Saham Rakyat
 - B Amanah Saham Nasional
 - C Amanah Saham Malaysia
 - D Amanah Saham Bumiputera
- 37 Apakah kayu ukur kejayaan hubungan luar Malaysia?
- A Pengiktirafan negara maju
 - B Tumpuan pelancongan dunia
 - C Pakatan ketenteraan yang kukuh
 - D Kerjasama erat di peringkat antarabangsa
- 38 Apakah pertubuhan antarabangsa yang membuktikan Malaysia telah menukar dasar daripada Probarat kepada dasar berkecuali
- A Komawel
 - B Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)
 - C Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
 - D Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM)

39 Gambar berikut merupakan Kepulauan Spratly.



Kepulauan Spratly

Perebutan pulau tersebut berpotensi untuk mencetuskan ketidakstabilan di rantau Asia Tenggara.

Negara yang terlibat dalam pertikaian tersebut ialah

- A India, China, Australia, Malaysia
- B China, Thailand, India, Indonesia
- C Australia, New Zealand, China, Thailand
- D China, Vietnam, Brunei, Filipina, Malaysia

40 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah NGO di Malaysia.

- Diasaskan oleh Muhammad Nadir Al-Nuri Kamarulzaman
- Melancarkan Proieck Ramadan 2020

Organisasi di atas merujuk kepada

- A Aman Palestin
- B Free Gaza Movement
- C Muslim Care Malaysia
- D Cinta Gaza Malaysia (CGM)